



Latihan Pengukuhan

A. Tukarkan ayat-ayat aktif di bawah kepada ayat pasif.

1. Dia pernah melawat pulau peranginan itu dengan kawan-kawannya.

2. Mereka menaiki bas sekolah dengan tertib sekali agar tidak berlaku kemalangan.

3. Emak menghadiahi kakak sejambak bunga semasa hari konvokesyennya.

4. Ayah membeli seikat rambutan dari dusun Pak Zali di hujung kampung itu.

5. Kami sudah membaca berita kemalangan ngeri itu dalam akhbar tempatan.

6. Saya akan mengirimi ibu di kampung sepucuk surat pada setiap bulan.

7. Beliau mengajarkan mata pelajaran itu dengan berkesan kepada kami.

8. Kami terambil buku latihan yang salah kerana tergesa-gesa untuk pulang ke rumah.

9. Baginda mengurniai beliau pingat kebesaran sempena keputeraan baginda di istana.

10. Anda harus membaca soalan dengan teliti agar tidak kehilangan markah.
